

**GARIS PANDUAN**  
**PENGECUALIAN DUTI EKSAIS KE ATAS KENDERAAN NASIONAL BAGI ORANG KURANG UPAYA**  
**(JENIS KETIDAKUPAYAAN/CACAT ANGGOTA/PERTUTURAN/PENDENGARAN)**

### **Pengenalan**

Melalui Bajet 2011, Kerajaan telah memberi pengecualian 100% duti eksais ke atas sebuah kenderaan nasional (termasuk motosikal) kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mempunyai jenis ketidakupayaan/kecacatan anggota(fizikal)/pertuturan/pendengaran tertentu. Pengecualian ini adalah untuk membantu meringankan beban kewangan OKU yang ingin memiliki kenderaan bagi memudahkan pergerakan mereka. Pengecualian ini juga berkuatkuasa mulai 18 Oktober 2010.

### **Kriteria Kelayakan**

- (i) Pemohon mestilah berdaftar sebagai OKU (jenis ketidakupayaan/kecacatan anggota(fizikal)/pertuturan/pendengaran) dan mempunyai sijil pendaftaran dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (ii) Pemohon mempunyai lesen memandu yang sah;
- (iii) Kenderaan hendaklah dibeli daripada stok yang masih belum dibayar duti/cukainya; dan
- (iv) Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar hak milik sehingga tamat tempoh 5 tahun kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Perbendaharaan; dan
- (v) Pengecualian hanya diberikan bagi sebuah kenderaan dalam tempoh 5 tahun.

### **Dokumen-Dokumen Sokongan Yang Perlu Disertakan**

1. Borang Perakuan Doktor (BORANG OKU 2)
2. Salinan Kad pengenalan (muka depan dan belakang)
3. Salinan Kad Pendaftaran Diri OKU (muka depan dan belakang)
4. Surat Pengesahan Pendaftaran oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat
5. Salinan Lesen Memandu (muka depan dan belakang)
6. Surat dari agen kenderaan yang mengandungi maklumat berikut:
  - (i) Jenis/Model Kenderaan
  - (ii) No. Casis
  - (iii) No. Enjin
  - (iv) Nilai duti eksais kenderaan
  - (v) Sebut harga kenderaan

## BORANG OKU 2

### BORANG PERAKUAN DOKTOR


(Alamat Klinik / Hospital)

.....  
.....  
.....

#### Pengesahan Pemeriksaan Perubatan Mengenai Jenis Ketidakupayaan Cacat Anggota (Fizikal) / Pendengaran / Pertuturan OKU Bagi Tujuan Permohonan Pengecualian 100% Duti Eksais Ke Atas Kenderaan Nasional

1. Nama OKU : .....
2. No K/P : .....
3. Jantina :  Lelaki  Perempuan
4. Bahagian anggota yang mengalami ketidakupayaan/kecacatan:  
.....

Sila lakarkan dalam gambar rajah di bawah :



5. Jenis ketidakupayaan/kecacatan yang di alami (terangkan keadaannya):  
.....  
.....

6. Sejak bila ketidakupayaan/kecacatan dialami :

.....

7. OKU di atas boleh memandu kenderaan seperti berikut :

- Kenderaan biasa yang diubahsuai ; atau
- Kenderaan khas orang cacat ; atau
- Kenderaan biasa (Manual); atau
- Kenderaan biasa (automatik)

Dengan ini adalah disahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

.....  
(Tandatangan Doktor / Pegawai Perubatan)

Nama : .....

Cop Rasmi : .....

No. Tel : .....

Tarikh : .....